

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : USUL-USUL

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : JULAI – OGOS 2020

USUL-USUL NO. 15

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

MENTERI PENGANGKUTAN

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2015, Kementerian Pengangkutan melalui Maritime Institute of Malaysia (MIMA) telah menjalankan “Kajian Kemungkinan Pembangunan Semula Jeti Kuala Perlis dan Kuala Kedah”. Tujuan kajian ini antara lain, untuk mencadangkan lokasi yang mempunyai kedalaman air semulajadi (*natural water depth*) untuk dibangunkan sebagai jeti penumpang. Namun, memandangkan kedudukan lokasi untuk tujuan pembangunan jeti penumpang terletak di luar Kuala Perlis yang mana boleh menjejaskan sosio-ekonomi penduduk Kuala Perlis, maka pengerukan secara berkala masih merupakan kaedah terbaik untuk mengatasi masalah pemendapan muara sungai Kuala Perlis.

2. Dalam hubungan ini, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah melaksanakan kerja-kerja pergerukan alur pelayaran dengan panjang alur yang dikeruk adalah 5.6 kilometer pada kedalaman 2.0 meter Chart Datum (CD) di Jeti Kuala Perlis dari bulan Ogos 2018 hingga Mac 2019 dengan kos keseluruhan berjumlah RM13.8 juta bagi mengatasi masalah mendapan yang sering berlaku di jeti tersebut.

3. Terkini, pada sesi permohonan projek baharu dalam RMKe-12, JLM telah menyenaraikan permohonan projek Kerja-Kerja Pengerukan di Alur Pelayaran dan Basin Jeti Penumpang Kuala Perlis dengan kos sebanyak RM30 juta sebagai senarai keutamaan projek di bawah JLM.

4. Walau bagaimanapun, satu mesyuarat bagi membincangkan penyelesaian dalam menangani isu mendapan yang mengganggu alur pelayaran dan basin jeti penumpang Kuala Perlis telah diadakan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) pada 13 Julai 2017. Mesyuarat tersebut antara lain, telah memutuskan supaya satu Kajian Penyelesaian Yang Lebih Mampan Untuk Menangani Masalah Mendapan Yang Mengganggu Alur Pelayaran dan Basin Jeti Kuala Perlis dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta mengenal pasti beberapa kaedah dan teknik baru pengerukan termasuk mengadakan “sediment trap” dan lain-lain kaedah yang sesuai.

5. Kajian Penyelesaian Yang Lebih Mampan Untuk Menangani Masalah Mendapan Yang Mengganggu Alur Pelayaran dan Basin Jeti Kuala Perlis sedang dilaksanakan dan dijangka akan selesai pada November 2020.

Sekian, terima kasih.